

Pengharaman Patung

Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الْمَلَائِكَةَ لَا تَدْخُلُ بَيْتًا فِيهِ تَمَاثِيلُ

Maksudnya: “Sesungguhnya para malaikat tidak akan memasuki rumah yang di dalamnya ada patung-patung.”

Riwayat al-Bukhari (2479) dan Muslim (5650)

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Para ulama berkata: Sebab para malaikat tidak mahu memasuki rumah orang yang menyimpan atau menggantung gambar-gambar patung ini, kerana tuan rumahnya telah menyerupai orang-orang kafir, yang memang menjadi kegemarannya meletakkan patung-patung itu untuk dimuliakan dan dipuja, lantas kerana itulah maka para malaikat tidak memasuki rumah-rumah orang Islam yang menyimpan patung-patung serupa itu, dan bukanlah kerana para malaikat itu telah menyingkir diri untuk memasuki rumah-rumah mereka sama sekali.
2. Islam juga mengharamkan orang Islam bekerja sebagai pembuat patung-patung itu, meskipun dimaksudkan semua hasil kerjanya itu untuk orang-orang yang bukan Islam. Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ مِنْ أَشَدِّ النَّاسِ عَذَابًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ الَّذِينَ يُصَوِّرُونَ هَذِهِ الصُّوَرِ

Maksudnya: “*Sesungguhnya orang yang sangat berat seksanya di hari Kiamat ialah mereka yang bekerja membuat patung-patung.*”

Riwayat al-Bukhari (6109) dan Muslim (5647)

3. Dalam riwayat yang lain berbunyi: “*Orang yang menyerupakan sesuatu dalam apa jua yang diciptakan Tuhan iaitu patung-patung.*”
4. Dalam riwayat yang lain, Nabi SAW bersabda:

مَنْ صَوَّرَ صُورَةً كُفِّرَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَنْ يَنْفُخَ فِيهَا الرُّوحَ وَلَيْسَ بِنَافِخٍ فِيهَا أَبَدًا

Maksudnya: “*Sesiapa yang membuat gambar-gambar patung, nescaya pada hari Kiamat nanti akan diperintahkan supaya meniupkan roh pada patung-patung itu, padahal dia memang tidak berkuasa untuk meniupkan roh kepadanya sama sekali.*”

Riwayat al-Bukhari (2225) dan lain-lain lagi

Maksud dari sabda ini ialah bahawa orang itu akan diminta untuk meletakkan kehidupan pada patung-patung itu sedangkan dia tidak mampu untuk berbuat begitu. Perintah itu untuk menampakkan bahawa dia tidak berkuasa untuk memberi kehidupan pada patung-patung itu dan kerana itu dia tidak patut membuatnya.

Hikmah Pengharaman Patung

1. Di antara rahsia yang penting pada mengharamkan patung-patung itu, dan ini bukanlah satu-satunya sebab dari *illat* pengharaman itu sebagaimana yang dipercayai oleh sesetengah manusia ialah melindungi kemurniaan sifat tauhid (keesaan Tuhan) serta menjauhkan diri daripada menyerupai kaum penyembah berhala yang menjadikan patung sebagai sembah. Sedangkan semuanya itu dihasilkan sendiri oleh tangan mereka, lalu mereka menyembahnya dengan rasa rendah diri.

Sebenarnya keinginan Islam untuk melindungi keesaan Allah SWT dari segala perbuatan syirik telah mencapai kemuncaknya. Islam telah mengambil jalan yang jitu dalam kesungguhannya dan perihal kewaspadaannya kerana pernah terjadi kepada beberapa umat yang menjadikan pemimpin mereka dan

orang-orang yang soleh di antara mereka yang sudah mati sebagai patung atau gambar untuk memperingati mereka. Lama kelamaan gambar dan patung-patung itu dijadikan sebagai bahan sembah mereka.

Tidak hairan lagi bagi sesuatu agama yang memang dasar syariatnya menutup semua pintu yang membawa kepada kerosakan agar segera menutup semua pintu yang bakal menyerap akal fikiran dan hati mereka.

Segala macam bentuk syirik sama ada yang nyata atau yang tersembunyi atau dipengaruhi oleh gejala-gejala penyerupaan yang dipegang oleh kaum para penyembah berhala dan kaum yang keterlaluan beragama. Sememangnya sudah sedia maklum bahawa agama Islam itu tidak menentukan hukum syariatnya untuk satu atau dua generasi manusia, malah ia menetapkan hukum syariatnya untuk seluruh kemanusiaan di seluruh dunia ini dan secara terus menerus hingga ke hari Kiamat.

Apa yang dirasakan jauh untuk diterima oleh sesuatu generasi akan diterima oleh generasi yang lain. Tidak mustahil jika ia tidak menjadi suatu hakikat yang nyata pada sesuatu zaman, kelak akan menjadi suatu kenyataan pada zaman lain yang dekat atau yang jauh.

2. Antara rahsia pengharaman yang lain bagi pereka atau pembuat patung ialah orang yang membuat patung itu akan diliputi perasaan bangga diri. Seolah-olah dia merasakan dirinya mencipta makhluk. Pernah terjadi dalam suatu peristiwa bahawa ada seorang dari kumpulan ini telah mencipta suatu patung dan disempurnakan sehingga mengambil masa yang panjang. Apabila dia merasakan patung itu telah cukup sempurna, lalu dia berdiri di hadapannya dengan penuh rasa bangga melihat bentuk dan rupa patung itu. Oleh kerana terlampau terharu, lalu dia berbicara dengan patung itu dalam keadaan tidak sedarkan diri, lantas patung itu menjawab kata-katanya dan terus berkata kepadanya:

إِنَّ الَّذِينَ يَصْنَعُونَ هَذِهِ الصُّوَرَ يُعَذَّبُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، يُقَالُ لَهُمْ: أَحْيُوا مَا خَلَقْتُمْ

Maksudnya: “*Sesungguhnya orang-orang yang membuat patung ini akan disiksa pada hari Kiamat dan dikatakan kepada mereka: Ayuh hidupakanlah apa yang kamu ciptakan ini.*”

Riwayat al-Bukhari (5181) dan Muslim (5655)

Di dalam sebuah hadis qudsi, Allah SWT berfirman:

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ ذَهَبَ يَخْلُقُ كَخَلْقِي، فَلْيَخْلُقُوا ذَرَّةً، فَلْيَخْلُقُوا شَعِيرَةً

Maksudnya: “Siapakah lagi yang lebih menganiayai dirinya daripada orang yang mencipta seperti ciptaan-Ku? Sekarang cubalah mereka membuat sebiji zarah sahaja! Cubalah mereka buat sebiji gandum sahaja!”

Riwayat al-Bukhari (5953)

3. Orang yang telah memahirkan dirinya dalam kerja seni ini, tidak ada batas tempat berhentinya. Lalu mereka pun melukis atau mengukir patung wanita yang bogel atau separuh bogel. Mereka melukis atau membentuk lambang-lambang berhala dan ajaran agama yang lain seperti salib, patung-patung berhala dan yang seumpamanya yang tidak wajar diterima oleh seseorang Muslim.
4. Tambahan pula, patung-patung itu sudah dianggap sebagai lambang kemewahan dan keseronokan bagi manusia pada masa kini. Mereka meletakkan patung-patung di dalam istana mereka dan dihiaskan juga di bilik tidur mereka dengan pelbagai patung. Manakala para pengukir patung akan bersaing menunjukkan kebolehan mereka untuk mencipta sesuatu yang lebih baik daripada pelbagai jenis logam. Maka tidak hairanlah bagi sesuatu agama dan kepercayaan yang pada dasarnya memerangi segala bentuk kemewahan daripada emas, perak dan sutera untuk mengharamkan segala jenis patung ini untuk diletakkan atau disimpan di dalam rumah seorang Muslim.

Mutiara Hikmah

- ❖ **Imam al-Syafie berkata:** Perkara yang paling mulia ada tiga. Pertama, merasa kaya walaupun hartanya sedikit. Kedua, warak ketika sunyi (bersendirian), dan ketiga, perkataan yang hak (benar) yang diucapkan kepada orang yang diharapkan bantuannya atau ditakutinya.
- ❖ **Pujanggan berkata:** Keuntungan yang sedikit lebih baik daripada harta yang banyak, menjaga harta peribadi lebih baik daripada kekuasaan, namun mengamalkan nilai-nilai kehinaan dan tidak upaya tetapi masih tetap di atas ketaatan jauh lebih baik daripada kekuatan sedangkan berada dalam maksiat.

Kisah Teladan

Dalam *al-Rahiq al-Makhtum* menceritakan: Selepas pembukaan kota Mekah, Baginda mengutuskan Khalid bin al-Walid untuk pergi menuju ke Nakhlah pada lima hari sebelum berakhirnya Ramadan pada tahun 8 hijrah. Tujuannya ialah untuk memusnahkan berhala al-Uzza yang ada di situ. Berhala itu adalah milik Quraisy dan seluruh Bani Kinanah. Ia merupakan berhala yang paling besar. Penjaga berhala itu ialah Bani Syaiban. Khalid bin al-Walid keluar bersama 30 orang penunggang kuda lalu memusnahkan berhala itu.

Setelah pulang, Rasulullah SAW bertanya: Adakah kamu melihat apa-apa? Khalid menjawab: Tidak. Baginda berkata: Kamu belum memusnahkannya, kembalilah semula dan musnahkannya! Dengan rasa marah, Khalid kembali semula sambil menghunuskan pedangnya.

Tiba-tiba apabila sampainya di sana, keluarlah seorang perempuan yang berbogel (syaitan) berkulit hitam dan dengan rambut yang menggerbang sehingga menyebabkan penjaga berhala Uzza menjerit memanggilnya. Khalid bin al-Walid terus melibaskan pedangnya hingga tubuhnya terbelah dua. Kemudian dia pulang memberitahu Rasulullah SAW, lalu Baginda bersabda: Ya, itulah al-Uzza, dia sudah putus asa untuk disembah di negerimu selama-lamanya.